

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : Y.B. DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED**  
**[JELI]**

**SOALAN NO. 251**

**Y.B. DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED [ JELI ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kedudukan Ringgit Malaysia berbanding Dolar Singapura, Baht Thailand, Riyal Saudi pada bulan September 2019 berbanding September 2017 dan sebab-sebab yang membawa kepada turun naik kedudukan tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga September 2019 berbanding September 2017, nilai ringgit telah mengukuh sebanyak 2.7% berbanding dolar Singapura dan 1.0% berbanding riyal Saudi manakala nilai ringgit menyusut sebanyak 7.5% berbanding baht Thailand. Volatiliti nilai ringgit disebabkan oleh ketidaktentuan berkaitan perkembangan geopolitik, kemerosotan sentimen pelabur dalam pasaran kewangan dunia berikutan kelemahan unjuran pertumbuhan global.
2. Tambahan lagi pada 7 November 2019, nilai ringgit telah mengukuh sebanyak 0.2% manakala setakat 29 November 2019, nilai ringgit telah menyusut sebanyak 0.9%. Ini menunjukkan volatiliti perubahan nilai mata wang dalam keadaan pasaran global masa kini yang tidak menentu ekoran perang perdagangan antara Amerika Syarikat dan China. Prestasi ringgit adalah sejajar dengan pergerakan kebanyakan mata wang serantau lain yang telah berubah nilai dalam lingkungan -6.5% dan 6.5% berbanding dolar Amerika Syarikat.
3. Dalam keadaan pasaran kewangan global yang tidak menentu, kadar pertukaran ringgit yang fleksibel memainkan peranan penting sebagai penyerap kejutan luaran tanpa menjejaskan aktiviti ekonomi domestik. Namun begitu, volatiliti ringgit yang ketara boleh menjejaskan aktiviti ekonomi berikutan kesukaran sektor perniagaan dan perindustrian merancang strategi dan mengambil keputusan yang wajar. Sehubungan itu, Kerajaan melalui Bank Negara Malaysia (BNM) sentiasa memastikan keadaan pasaran kewangan lebih lancar dan mengambil langkah proaktif dengan memperkenalkan langkah untuk memastikan kecairan mencukupi, pasaran yang berdaya tahan dan mengurangkan aktiviti spekulasi dalam pasaran.
4. Langkah ini termasuk menetapkan syarat supaya sebahagian besar

## **NO SOALAN : 251**

daripada hasil eksport dalam mata wang asing ditukarkan kepada ringgit bagi meningkatkan mudah tunai wang asing dalam pasaran dalam negeri dan meningkatkan penguatkuasaan ke atas peraturan tukaran asing sedia ada bagi mencegah aktiviti spekulasi mata wang ringgit diniagakan di luar pesisir. Pada masa sama, BNM telah memperkenalkan instrumen pelindung nilai (*hedging instruments*) dan menyediakan fleksibiliti agar peserta pasaran kewangan dan sektor perniagaan boleh melaksanakan pengurusan risiko pendedahan mata wang asing dengan lebih baik.

5. Dalam jangka masa panjang, nilai ringgit akan didorong terutamanya oleh kekuatan asas ekonomi negara. Oleh yang demikian, Malaysia perlu menumpukan usaha untuk meningkatkan daya tahan ekonomi dengan mempelbagaikan sumber ekonomi, memperkukuh daya saing ekonomi dan kedudukan fiskal negara.